

18 SEP 1999

MODAL-KAWALAN

KAWALAN MODAL MUNGKIN JADI TOPIK UTAMA PADA MESYUARAT BANK DUNIA/IMF

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Penggunaan berpilih-pilih kawalan modal berkemungkinan menjadi isu utama pada mesyuarat tahunan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington minggu depan, kata harianl IPS.

Dalam menerbitkan satu laporan yang berasal dari Mexico City, terbitan 16 Sept harian itu berkata kecuali negara-negara barat utama mendengar seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya satu kerangka kewangan global baru yang akan melindungi negara-negara sedang membangun daripada kemudah ruapan modal jangka pendek, maka banyak negara sedang membangun akan terpaksa melihat pilihan kawalan sebagai sejenis insurans.

Laporan itu, bertajuk "Kejayaan Malaysia Bangkitkan Permikiran Baru mengenai Kawalan", memetik William Dillinger, salah seorang daripada pengarang Laporan Perkembangan Dunia 1999-2000 Bank Dunia, sebagai berkata bahawa lima tahun lalu kebijaksanaan konvensional adalah bahawa kawalan sentiasa tidak baik dan akan berlaku pelarian modal jika ia dikenakan.

"Sekarang, terdapat sedikit kesangsian terhadap pendirian itu," katanya.

Bagaimanapun, Dillinger menyatakan bahawa penggunaan dan keberkesanan kawalan itu akan berbeza daripada negara ke negara.

Bagaimanapun, beliau menekankan bahawa negara-negara membangun patut berusaha memperkukuhkan institusi-institusi kewangan mereka dan mengujudkan kerangka bagi menarik modal pelaburan jangka panjang. Langkah-langkah itu termasuk mendefinisikan hak dan tanggung jawab pelabur-pelabur pelbagai negara.

Laporan itu juga berkata bahawa pengesahan yang paling mengejutkan terhadap kawalan modal berpilih-pilih Malaysia datangnya daripada IMF yang telah menentangnya tahun lalu.

Ini berikutan satu mesyuarat lembaga IMF Julai lalu yang anggotanya bersetuju bahawa kawalan itu telah menghasilkan keputusan yang positif daripada yang dijangka asalnya. -- BERNAMA

SHY OS